

11 DEC 2000

Parlimen-Mahathir (Media)

FITNAH TERHADAP KERAJAAN BUKTI KERAJAAN TIDAK KUASAI MEDIA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat hari ini bahawa terdapatnya banyak akhbar di negara ini yang bebas melemparkan fitnah terhadap kerajaan adalah bukti kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak menguasai media.

Katanya, di Malaysia seperti juga di negara demokratik lain, media bebas memilih siapa yang mereka ingin sokong sama ada menyokong kerajaan atau parti kerajaan dan boleh juga menyokong parti lawan

Perdana Menteri berkata sementara akhbar yang menyokong kerajaan melapor kegiatan dan pendapat parti lawan tetapi akhbar parti lawan tidak pernah adil kepada kerajaan dan parti kerajaan.

"Saya masih berpegang dengan ucapan saya pada persidangan Antarabangsa Peranan Media di Negara-negara Berkecuali pada 21 Sept bahawa kerajaan yang menguasai media adalah kerajaan yang tidak bermoral," katanya ketika menjawab soalan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (Keadilan-Permatang Pauh) semasa sesi soal jawab.

Dr Mahathir menekankan bahawa bukan sahaja kerajaan malah orang perseorangan, kumpulan, pertuuhan dan agensi-agensi berita sendiri pun dianggap tidak bermoral apabila mereka menguasai media sehingga orang lain tidak mendapat layanan yang sewajarnya dalam media mereka.

"Lebih tidak bermoral lagi ialah apabila media di bawah kuasa pihak-pihak tertentu melempar fitnah, pembobohan dan laporan yang tidak berasas," katanya, sambil menambah bahawa Internet sekarang digunakan dengan meluas oleh parti lawan.

Dr Mahathir berkata fitnah, pembongkaran dan hasutan dilempar oleh parti pembangkang yang mengadakan laman web adalah amat ketara dan rencana dari laman web itu di "download" dan disebar dengan meluas.

"Namun kerajaan tidak mengawal Internet. Demikian juga tidak ada kawalan terhadap buku, CD dan tape yang mengandungi fitnah, hasutan, pembongkaran," katanya.

Namun, Perdana Menteri berkata sebagai kerajaan yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keamanan negara, kerajaan tidak boleh membiarkan hasutan untuk merusuh dan mengganas, untuk melaga-lagakan rakyat berbilang kaum dilakukan hanya kerana kebebasan media.

Sambil mengingatkan bahawa mereka yang diberikan kebebasan perlu bertanggungjawab, beliau berkata penyalahgunaan kebebasan tentulah perlu dibanteras sebelum ia membawa kecelakaan kepada negara.

Ketika menjawab soalan Mohamed Sabu (PAS-Kuala Kedah) Dr Mahathir berkata media massa bukan milik kerajaan, melainkan warta kerajaan (gazette) sahaja yang dimiliki oleh kerajaan.

Beliau berkata dalam amalan di banyak negara lain pun memang ada akhbar yang menyokong kerajaan seperti beberapa akhbar di Britain dan Amerika Syarikat.

"Itu pilihan dia (parti mana yang nak disokong), kita tidak boleh tahan. Di Amerika ada 'paper' Demokrat, ada Republikan, bahkan di Amerika sekarang ada hakim Republikan, ada hakim Demokrat... kalau hakim Demokrat, dia memihak kepada Demokrat, hakim Republikan dia pilih Bush," katanya berseloroh disambut gelak ketawa Dewan.

Beliau berkata di Malaysia ada akhbar yang melanggar undang-undang tersebar luas seperti Harakah dan Rokat, yang menyebarkan bermacam pembongkaran dan surat khabar yang dimiliki oleh penyokong kerajaan pula cuba membetulkan keadaan.

Beliau mengingatkan bahawa masing-masing akhbar perlu menjaga kepentingan negara kerana kalau akhbar tempatan menunjukkan laporan rusuhan kaum berlaku sepanjang masa, demonstrasi berlaku sepanjang masa tiada siapa yang akan melawat Malaysia.

Perdana Menteri berkata media asing seperti CNN menayangkan gambar rusuhan yang hanya berlaku dua atau tiga jam di Malaysia seolah-olah ia berlarutan sehingga 24 jam kerana mereka ada agenda tersendiri untuk melihat Malaysia tidak stabil dan dijauhi pelancong dan pelabur.

"Kalau awak nak tengok macam mana orang lain pandang hina pada kita, tengoklah CNN," katanya.

-- BERNAMA

MNY MNY PR